

**TEKS UCAPAN PERASMIAN
YBHG. DATUK SERI DR. ABDUL FATTAH
ABDULLAH
PRESIDEN ANGKASA**

**PROGRAM USAHAWAN KOPERASI: SIJIL
PENGURUSAN PROFESIONAL KOPERASI
(PROGRAM PENJANA KPT-CAP)**

12 JULAI 2023 (RABU)
3.30 PETANG

DEWAN DATO' MOHD ALI BAHARUM

SALUTASI DISEDIAKAN URUSETIA DAN
DILETAKKAN DI ATAS ROSTRUM

1. Marilah bersama – sama memanjatkan rasa syukur ke hadarat Allah SWT kerana diberi peluang untuk hadir bersama pada hari ini bagi merealisasikan satu lagi agenda memperkasakan gerakan koperasi di mana ANGKASA diberi peluang dan kepercayaan sebagai pelaksana Program Usahawan Koperasi:

Sijil Pengurusan Profesional Koperasi di bawah geran Pejana KPT CAP.

2. Syabas dan tahniah diucapkan kepada urusetia program kerana ini adalah saltu lagi tanda pencapaian ANGKASA sebagai badan puncak dalam melaksanakan salah satu peranannya

iaitu merangsang dan membangunkan perniagaan koperasi selaras dengan napa yang terkandung dalam Aspirasi Koperasi Malaysia.

3. Saya juga mengambil kesempatan ini, mengalu-alukan kehadiran para peserta graduan UMK ke program ini,

dan menjadi harapan saya sebagai Presiden ANGKASA, agar anda semua menjadi sebahagian gerakan koperasi Malaysia sama ada sebagai anggota koperasi, usahawan koperasi atau menubuhkan koperasi.

Hadirin Hadirat yang dihormati sekalian

4. Geran PENJANA KPT - CAP (Career Advancement Programme) 2.0 di bawah Kementerian Pengajian Tinggi Geran yang ditawarkan ini merupakan salah satu suatu usaha Kerajaan membantu para graduan meningkatkan kemahiran, mencari pekerjaan, memulakan perniagaan dan

seterusnya membantu negara dalam meningkatkan kebolehpasaran graduan.

5. Justeru dalam kesempatan ini, saya merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Kementerian Pengajian Tinggi dan

Universiti Malaysia Kelantan (UMK) atas kepercayaan yang diberikan kepada ANGKASA untuk melatih 50 orang pelajar alumni, latihan industri dan tahun akhir UMK sebagai usahawan koperasi.

6. Saya difahamkan program selama 7 hari ini direka bentuk khusus dengan

kepakaran tenaga pengajar dan modul daripada ANGKASA, UMK, Suruhanjaya Koperasi Malaysia dan Insititut Koperasi Malaysia untuk melatih anda semua secara profesional dalam pengurusan dan keusahawanan koperasi.

7 . Antara objektif utama program ini:

- a. Mewujudkan satu jaringan kerjasama strategik di antara Kementerian, universiti, agensi kerajaan, industri (koperasi) dan pelajar alumni UMK, dalam menghasilkan usahawan

koperasi yang inovatif dan berdaya saing;

b. Menyediakan pelajar dan alumni UMK dengan kemahiran dan keupayaan yang tinggi sebagai usahawan di peringkat tempatan dan juga di peringkat antarabangsa;

- c. Meningkatkan kebolehpasaran dalam kalangan pelajar dan graduan UMK melalui pengwujudan enterprais baharu (usahawan koperasi);
- d. Meningkatkan sosio ekonomi dan kompetensi pelajar, alumni, dan

komuniti melalui penghasilan produk/perkhidmatan yang berkualiti;

e. Membudayakan amalan koperasi terbaik untuk kelestarian koperasi di kalangan pelajar, alumni, agensi, dan komuniti.

Hadirin Hadirat yang dihormati sekalian

8. Melalui yang dikeluarkan oleh SKM, Sehingga Disember 2022 ada 255 buah koperasi melibatkan insitusi pengajian tinggi dengan jumlah perolehan mencecah RM178.92 juta. Melalui program ini kita menyasarkan untuk

menubuhkan dua (2) buah koperasi yang dirancang akan dirasmikan oleh Yang Berhormat Menteri Pengajian Tinggi yang akan diadakan pada akhir bulan Ogos 2023 bersekali dengan penyampaian sijil di UMK, Kota Baharu, Kelantan.

9. Selain Program KPT CAP, ANGKASA juga mendapat geran untuk melaksanakan dua (2) lagi program iaitu Program Penjana KPT PACE dan PROGRAM PENSIJILAN PROFESIONAL USAHAWAN KOPERASI MILLENIA INOVATIF. Program selama sebulan (1 bulan) ini akan melibatkan pelajar-

pelajar UMK yang sedang dalam pengajian dan akan berlangsung di kampus UMK, Kota Baharu.

10. Langkah Ini merupakan inovasi dalam pelaksanaan program dan selari dengan dasar ANGKASA untuk meningkatkan jaringan kerjasama

dengan Kerajaan dan agensi, universiti, badan korporat, syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan badan bukan kerajaan (NGO) dalam perkongsian kos ataupun mendapatkan dana/geran, kepakaran dan bagi melaksanakan program seumpamanya.

11. Usaha ini telah dilaksanakan dengan jayanya oleh ANGKASA-UMK Reserach Academy (AURA) yang diketuai Dr. Hj. Mohd Azlan Yahya, Timbalan Presiden ANGKASA dan pasukannya. AURA merupakan penggerak utama kepada Program Penjana KPT CAP dan KPT PACE.

Hadirin Hadirat yang dihormati sekalian

12. Satu lagi kejayaan besar yang dilakar AURA, menjadi perunding dan penggerak kepada pembangunan *blueprint* nasional, Pelan Tindakan Digitalisasi Koperai (DigiKOP) 2030 yang telah dilancarkan oleh YAB Menteri

Besar Pahang, di Kuantan pada 10 Julai 2023. Tahniah dan syabas kepada AURA.

13.Saya mengharapkan AURA akan terus mengekalkan prestasi dan meluaskan lagi jaringan strategik serta memperhebatkan penyelidikan dan

pembangunan (R&D) untuk kelestarian gerakan koperasi, yang menjadi antara peranan utama AURA sebagai Pusat Rujukan Kecemerlangan Koperasi (cooperative center of excellence).

14. Semoga peserta program ini akan mendalami prinsip, jatidiri dan ilmu

keusahawanan koperasi yang pada akhirnya akan menubuh serta membangunkan koperasi seperti yang disasarkan, dan menjadi antara koperasi belia yang berjaya di negara ini.

15. Saya dengan lafaz suci
Bismillahirrahmanirahim merasmikan
PROGRAM PENJANA KPT CAP PROGRAM
USAHAWAN KOPERASI: SIJIL
PENGURUSAN PROFESIONAL KOPERASI.

Selamat berkursus, sekian terima kasih.

Wabillahitafik
Assalamualaikum
Wabarakatuh.

Walhidayah
Warahmatullahi